

Headline **Teringat Usman Awang**  
Date **14. Jul 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Circulation **238082**  
Readership **833287**

Language **MALAY**  
Page No **10**  
Article Size **182** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



## Teringat Usman Awang

BEBERAPA bulan sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, saya memberanikan diri bertanya, "Pak Usman masuk parti apa?" Persoalan itu sebenarnya lama bersarang di hati saya apabila ada beberapa pihak menganggap Allahyarham berhaluan kiri. Dengan tenang Allahyarham memberitahu, "Saya tak masuk mana-mana parti. Kalau masuk parti saya kena bersuara mengikut parti."

Demikianlah Sasterawan Negara Allahyarham Datuk Usman Awang, Allahyarham adalah antara sasterawan besar yang pernah kita miliki dan relevan dengan semua zaman. Usman Awang meninggalkan khazanah untuk menjadi renungan generasi kini dan masa depan.

Allahyarham seorang penggerak integrasi yang sangat konsisten dalam karya-karya puisinya, antara yang sangat diingati tentulah *Seorang Gadis Tionghua*.

Selepas lapan tahun ketiadaannya, Usman Awang sebenarnya masih ada dalam sekian banyak karya yang ditinggalkan. Pemikiran dan idealisme perjuangan melampaui batas kaum terakam dalam karya yang menjadi rujukan zaman. Maka dalam konteks ini inisiatif Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM menganjurkan Seminar Usman Awang Sabtu lalu sangat relevan. Kalau hayatnya masih ada, Usman Awang kini berusia 79 tahun.

Seminar yang seperti ini akan mengingatkan generasi masa kini kepada seorang tokoh yang banyak berjasa kepada negara menerusi penglibatannya dalam kesusasteraan.

Walaupun banyak karya Usman Awang yang bersifat kritikal dan kelihatan menongkah arus politik perdana tetapi itulah seharusnya ada kepada seorang sasterawan. Apa lagi Usman Awang tidak condong kepada mana-mana fahaman politik kepartian sekalipun karya-karyanya bersifat politik.

Dalam puisi *Keranda 152*, Usman Awang dengan jelas memperlihatkan tentangannya terhadap usaha memporak perandakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini. Ironiknya hari ini bahasa Melayu benar-benar sudah dimasukkan dalam 'keranda' apabila wujud usaha menanam 'hidup-hidup' bahasa Melayu dan tidak banyak pemimpin politik yang berminat untuk menyelamatkan bahasa yang satu ini.

Usman Awang juga melihat dengan penuh rasa jengkel dan muak gelagat pemimpin yang mengabaikan rakyat yang menjulang mereka ke persada politik menerusi puisi *Pak Uteh*. Puisi-puisi begini tidak pernah mati malah sentiasa relevan dengan zamannya. Sikap pemimpin begini terus wujud dan puisi begini mengasuh rakyat supaya menyedari kuasa mereka. Begitu juga dengan puisi *Suara Dari Pusara* yang antara lain menyebut, "Gaji aku hanya sepasang kasut seorang menteri."

Sebagai pejuang golongan marhaen yang tertindas dan diperkudakan secara terhormat oleh sistem yang diwujudkan oleh pihak tertentu, Usman Awang sangat peka kepada segala yang berlaku dalam masyarakat.

Usman Awang mencetuskan kesedaran sosial kepada rakyat dan cuba melihat kemanusiaan sebagai suatu yang merentasi batas kaum dan budaya. Kerana itu selepas tragedi berdarah 13 Mei 1969, karya-karya seorang Melayu bernama Usman Awang ini ditelaah kembali kerana di dalamnya tidak ada tercatat permusuhan dengan kaum lain.

Dalam riuh-rendah menyuruh rakyat marhaen berjimat, eloklah kita sama-sama menjenguk yang tersurat dan tersirat daripada bait, "Gaji aku hanya sepasang kasut seorang menteri."

E-mel: [kuseman@pc.jaring.my](mailto:kuseman@pc.jaring.my)